

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 4 DISEMBER 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Ketua Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

### **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

#### **Pensyarah UniMAP Harumkan Malaysia : Dilantik Naib Presiden WIIPA**

2. Pertama sekali, berikan tepukan yang gemuruh kepada pensyarah kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bahan, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah yang dilantik sebagai Naib Presiden World Invention Intellectual Property Association (WIIPA) bersempena *International Inventions Show* (INOVA) yang berlangsung di Crotia pada 13 hingga 16 November lalu. Beliau adalah salah seorang Ahli Jawatankuasa Eksukutif Malaysian Invention & Design Society (MINDS) serta Pengasas Kelab Rekacipta Muda ENVEX UniMAP.
3. Saya berada bangga kerana beliau merupakan satu-satunya penyelidik

dari Malaysia yang terpilih menganggotai Jawatankuasa Tertinggi WIIPA selepas badan organisasi sosial tersebut menilai pencapaian yang telah diraih oleh beliau selain sumbangan beliau yang cukup tinggi dalam memartabatkan bidang penyelidikan dan inovasi terutama di kalangan penyelidik muda. Berikan tepukan yang gemuruh buat Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah.

4. WIIPA merupakan sebuah organisasi sosial yang tidak bermotifkan keuntungan berpangkalan di Taiwan, mempunyai keahlian dari 18 buah negara di seluruh dunia antaranya Jepun, Indonesia, Malaysia, Korea, Hong Kong, Iran, Filipina, Arab Saudi, Macau, Thailand, Myanmar dan Vietnam, Croatia, Romania, Poland, Brazil, Kanada dan Amerika Syarikat.
5. Ingin saya menarik perhatian para penyarah UniMAP mengenai pelantikan Mustafa ini. Kalau dibandingkan dari sudut jawatan, tiada bezanya Mustafa dan semua penyarah UniMAP yang lain. Tetapi kenapa beliau diusia yang muda ini boleh meraih kejayaan yang besar ini? Fikirkan...!!!
6. Hal ini, tidak lain tidak bukan adalah kerana beliau merupakan seorang yang aktif dalam bidang penyelidikan dan sering menghasilkan penyelidikan serta penerbitan berimpak tinggi.
7. Saya percaya jika kita laksanakan sedikit transformasi pemikiran, pasti kita juga mampu meraih pengiktirafan tertinggi ini malah mungkin mampu mencapai melebihi pengiktirafan tersebut. Jangan berasa rendah diri atau malu bertanya. Kita semua dalam proses belajar. Jika dinamakan belajar, pasti ilmu tersebut adalah sama ada ilmu baharu atau ilmu yang boleh dipertingkatkan.
8. Cubalah merisik dan bertanya kepada mereka lain yang meraih pelbagai pengiktirafan yang luar biasa. Pasti ada formulanya. Saya percaya sekiranya kita kikiskan sedikit rasa ego kita, pasti kita mampu membuka lebih banyak potensi diri kita yang bakal menjadikan kita penyelidik yang hebat. Hebatnya kita, pasti akan membantu mengharumkan nama UniMAP.

9. Saya menyeru transformasi minda oleh para pensyarah UniMAP. Janganlah asyik ditakuk lama dan mudah berpuas hati dengan apa yang diraih. Manusia diciptakan oleh Allah swt dengan keupayaan yang luar biasa. Namun apa yang membezakan seseorang manusia itu adalah bagaimana mereka mengenal dan menggunakan potensi diri mereka semaksima yang mungkin. InsyaAllah.

### **Pameran INOVA**

10. Tahniah juga diucapkan kepada penyelidik Mohd Tamizi Selimin dari Pusat Kecemerlangan Geopolymer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) UniMAP bagi produk penyelidikan Sustainable Construction Material from Marine Clay yang berjaya meraih Anugerah Khas Best Invention oleh Archimeds Russia pada Pameran INOVA yang lalu.
11. Produk yang sama juga iaitu hasil penyelidikan kerjasama penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr. Asleina Abdul Kadir turut meraih pingat emas pertandingan. Tidak ketinggalan dua lagi pingat emas UniMAP disumbangkan oleh produk kajian bersama saya dengan beberapa penyelidik UniMAP antaranya, Mohd. Mustafa, Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Mohd Arif Anuar Mohd Salleh dan Flora Somidin iaitu *New Technology: Novel Granulated Solder Machine* dan juga produk *The Sugarpap: Paper from Natural Sources* hasil penyelidikan Norazian Mohamed Noor, Ain Nihla Kamarudzaman Mohammad Tamizi Selimin. Bagi produk The Sugarpap turut menerima anugerah khas INOVA *Best Invention for Agriculture*.
12. Secara keseluruhannya, UniMAP meraih tiga pingat emas dan satu pingat perak pada pertandingan tersebut di mana pingat perak tunggal UniMAP disumbangkan oleh Prof Madya Dr. Khairul Nizar Ismail melalui produknya *UniMAP Rice Husk Lightweight Aggregate yang dijalankan secara bersama dengan Hamizi Yahya, Norlia Ibrahim serta Mokhzani Khair Ishak*. Tahniah diucapkan.

### **Pilihanraya Kampus (PRK) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

13. Pada 28 November lalu telah berlangsungnya Piliaraya Kampus (PRK) UniMAP di mana Kumpulan Pro Universiti menguasai apabila memenangi keseluruhan 33 kerusi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang baru bagi sesi 2013/2014.
14. Dua hari lepas iaitu 2 Disember 2013 (Iasnin) telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2013/2014 di mana **Saudara Azwan Syahmie bin Zakaria telah dilantik menjadi** Yang diPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP 2013/2014. Saya berharap semua warga UniMAP akan kenal dengan Yang DiPertua MPP yang baru iaitu Saudara Azwan Syahmie bagi memudahkan kerjasama antara MPP dan juga staf bagi apa juar pelaksanaan program di masa akan datang.
15. Hal ini kerana MPP adalah agen atau orang tengah antara mahasiswa dan pihak pengurusan universiti. Oleh itu, kebanyakkan maklumat yang ingin kita salurkan kepada para mahasiswa akan melalui MPP. Perkara yang sama juga akan dilaksanakan oleh MPP dalam menjadi suara kepada mahasiswa untuk disampaikan kepada pihak universiti.
16. Pada tahun hadapan, saya telah menetapkan KPI baru kepada semua warga UniMAP (from top to down) di mana saya inginkan lapan puluh peratus (80%) para graduan kita ditawarkan pekerjaan sebelum bergraduat lagi. Sebelum ini kita telah mencapai 60 peratus tetapi saya yakin peningkatan boleh dilakukan. Saya menyeru semua warga UniMAP untuk berfikir cara yang sesuai bagi kita mencapai KPI ini dan salurkan kepada saya agar dapat kita timbang-tara mengenai pelaksanaannya kelak.

### **MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG**

## **UniMAP International Entrepreneurship and Street Fair 2013 (UIESF'13)**

17. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjurkan UniMAP International Entrepreneurship and Street Fair 2013 (UIESF'13) yang bakal berlangsung pada 5 hingga 8 Disember 2013 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam bertempat di Kampus Unicity Alam, Sg Chucuh, Perlis.
18. Terdapat lebih daripada 25 buah syarikat yang akan turut serta bagi memeriahkan lagi UIESF'13. Saya dimaklumkan bahawa terdapat banyak aktiviti yang akan dilaksanakan antaranya, forum keusahawanan, pameran keusahawanan, permainan rakyat antarabangsa, persempahan kebudayaan antarabangsa, pertunjukan pakaian antarabangsa, jualan makanan dari pelbagai negara dan banyak lagi. Oleh itu, saya ingin menyeru semua warga UniMAP seisi keluarga agar dapat turun padang bagi memeriahkan program UniMAP International Entrepreneurship and Street Fair 2013 (UIESF'13).

## **PENUTUP**

19. Sebelum saya menutup ucapan saya pada pagi ini, saya tertarik dengan satu artikel yang saya baca dari sebuah majalah baru-baru ini. Ianya mengenai "Sakit Hati". Bagaimana hati boleh diserang penyakit? Hati sebenarnya berasal daripada perkataan kalbu (qalb) di mana perkataan ini diambil kerana sifatnya yang sering berbolak-balik seperti kebaikan dan keburukan; kebenaran dan kebatilan; nafsu dan akal; serta banyak lagi.
20. Hati umpama medan perang yang senantiasa bergolak dan ianya perlu didamaikan. Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Rasulullah saw dan Baginda menyeru kita untuk berdoa, "Wahai Yang membolak-balikkan hati, teguhkan hatiku atas agamaMu".

21. Pasti ada yang berasa hairan kenapa saya berkata perkara sebegini. Saya yakin semua yang ada di sini telahpun membaca emel yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendaftar mengenai peringatan untuk tidak menyalahgunakan media sosial bagi perkara yang menyentuh peribadi individu atau kepentingan organisasi, agama, bangsa dan Negara. Kenapa pihak Jabatan Pendatfar perlu mengeluarkan emel sebegitu? Walhal semua yang ada di UniMAP ini adalah mereka yang telahpun dewasa dan matang akal fikirannya. Tampak dewasa diluaran tetapi dalamannya mungkin berbeza – tidak seperti yang kita lihat. Itulah yang saya ingin kaitkan dengan ‘Sakit Hati’.
22. Setiap daripada kita pasti mempunyai ‘sakit hati’ tetapi sentiasalah tanamkan ingatan kepada Sang Pencipta kita. Setiap bait kata yang kita lontarkan kepada seseorang itu, kita akan dipertanggungjawabkan penuh bukan sahaja di dunia malah sehingga ke akhirat. Suka saya menyeru kepada warga UniMAP sekalian, sebelum kita hendak berkata sesuatu, fikirkanlah baik dan buruk serta kesannya kepada individu atau organisasi yang diperkatakan itu. Malah fikirkan kesan tersebut kepada diri kita sendiri.
23. Janganlah jadikan kebebasan yang diberikan oleh UniMAP untuk mengakses media sosial seperti **laman blog, facebook dan twitter** sebagai medan untuk mencaci dan menghina orang atau organisasi lain. Impak itu bukan sahaja kepada diri si penulis tetapi tempiasnya turut terkena kepada UniMAP. Hormatilah sensitiviti setiap individu, rakan sekerja dan masyarakat. Saya juga berharap agar tidak ada unsur fitnah dalam penyampaian atau perkongsian sesuatu berita dan maklumat demi menjamin keharmonian dan kerukunan institusi pengajian tinggi ini.
24. Akhir kata, sedikit perkongsian yang ingin saya ucapkan kepada seluruh warga UniMAP.

*“Sementara kita boleh bangun dan berdiri, dirikanlah solat dengan betul dan khusyuk.”*

*“Sementara kita masih boleh makan, makanlah dari makanan yang halalan toyyiban.”*

*“Sementara kita masih boleh berusaha mencari rezeki, carilah duit yang halal dari sumber yang baik-baik”*

*“Sementara kita masih dipilih untuk berumur panjang, pilihlah kehidupan dengan nilai-nilai yang diredhai Allah.”*

25. Rasanya cukuplah setakat ini. Semoga perkongsian ini akan memberi manfaat kepada kita untuk terus mengharumkan nama UniMAP di masa akan datang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.